
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

YWP 221 – Kewartawanan I

Masa: 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan **SATU (1)** adalah wajib.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

- 2 -

1. Seminggu sebelum pilihanraya umum, seorang tokoh politik, Encik Ahmad Pari bin Abu Siakap, baru meninggalkan parti politik Semangat Geram – yang telah dipimpinnya selama 10 tahun – untuk `berpindah' dan memasuki parti lawannya, Parti Belok Kanan. Sebagai seorang pemberita akhbar tempatan arus perdana, anda ditugaskan membuat laporan mengenai insiden politik ini. Apakah sumber berita yang akan anda hubungi dalam hal ini, dan beri justifikasi terhadap pilihan sumber ini. Huraikan persediaan yang perlu anda buat sebelum menemuramah sumber berita berkenaan.

2. Pengetahuan am dan pemahaman mendalam mengenai masyarakat di mana wartawan itu bekerja dikatakan penting untuk memastikan tahap profesionalisme yang setinggi mungkin. Nilai kenyataan ini dengan memberikan contoh tertentu.

3. `Piramid terbalik' dikatakan satu struktur penulisan berita yang boleh menjanjikan minat dan pembacaan yang mudah bagi pembaca akhbar. Bincang dengan mengambil kira faktor objektiviti dalam pemberitaan.

4. `Nilai berita' memberi panduan kepada pemberita untuk memilih apa yang dianggap berita dan bukan berita. Bincang kenyataan ini dengan mengambilkira kritikan yang dibuat terhadap konsep `nilai berita' ini.

5. Kebebasan akhbar yang mutlak dikatakan membahayakan keselamatan dan kemakmuran masyarakat yang berbilang golongan etnik seperti Malaysia. Bincang kenyataan ini dengan mengambil kira undang-undang yang berkaitan dengan dunia persuratkhabaran.

- ooo O ooo -